

Sektor PKS terus diperkukuh

Oleh JUNHAIRI ALYASA
junhairi.alyasa@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Kerajaan memberi jaminan akan terus berkerjasama dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam menyediakan sistem sokongan berkesan bagi memperkukuhkan perusahaan tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sektor PKS yang dinamik penting untuk memastikan kejayaan ekonomi negara ketika keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan penuh persaingan.

Tambah beliau, berikutan itu kerajaan telah mewujudkan satu dasar iaitu Pelan Utama PKS yang menyasarkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana.

"Pelan ini memberi fokus kepada produktiviti dan inovasi menerusi 32 inisiatif dan enam projek berimpak tinggi. Kerajaan menyasarkan PKS dapat meningkatkan sumbangan ekonomi makro sebanyak 41 peratus keluaran dalam negara kasar, 62 peratus peluang pekerjaan dan 25 peratus eksport menjelang tahun 2020," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar pada Pameran Tahunan PKS di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini semalam.

Pada majlis itu, Abdul Wahid turut menyampaikan hadiah wang tunai sebanyak RMI juta dan trofi kepada syarikat Romstar Sdn. Bhd. kerana berjaya memenangi Anugerah Inovasi PKS 2013.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Hamim Samuri, Pengerusi SME Corporation Malaysia, Datuk Mohamed Al Amin Abdul Majid dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Hafsa Hashim.

Najib menjelaskan, bagi memastikan usaha tersebut berjaya dilaksanakan, PKS perlu berkerjasama rapat dengan kerajaan.

"Kerjasama itu bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan, mengurangkan kos pengeluaran malah dapat meningkatkan reputasi serta imej produk.

"Pelaburan dalam harta intelek sebagai contoh, dapat memastikan produk yang inovatif dan eksklusif, rekaian kreatif dan penonjolan jenama," jelas beliau.



ABDUL WAHID (dua dari kanan) menyampaikan Anugerah Inovasi PKS 2013 kepada Pengerusi Kumpulan Romstar, Baharom Hamzah (kiri) di Kuala Lumpur semalam.